



KENYATAAN/SIARAN AKHBAR

Perbadanan Putrajaya (PPj) ingin merujuk kepada masalah papan tanda yang dibangkitkan oleh En Siva melalui segmen Views, The Star pada 25 Disember 2009.

Pihak PPj sememangnya menyedari masalah mencari arah ke destinasi tertentu oleh pengunjung-pengunjung ke Putrajaya. Sehubungan itu, PPj telah pun menjalankan kajian lanjut terhadap sistem papan tanda di Putrajaya dan tindakan yang sewajarnya sedang dilaksanakan untuk menambahbaik sistem papan tanda ini, termasuk:

- i) Menambah/melengkapkan maklumat yang tidak mencukupi; dan
- ii) Menukarkan maklumat yang mengelirukan.

Walau bagaimana pun, papan tanda bagi menunjukkan arah ke Hospital Putrajaya dipaparkan pada jalan-jalan utama menuju masuk ke Putrajaya. Bagi laluan masuk dari Kajang pula, papan tunjuk arah boleh dilihat dari Persiaran Utara.

PPj menghargai keprihatinan En Siva berhubung perkara ini. En Siva dan orang ramai juga dialu-alukan membuat aduan atau cadangan penambahbaikan terus kepada talian aduan PPj iaitu 03-88873000.



(ZAHARAH SALAMAT)
Timbalan Pengarah Perhubungan Awam
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 12 Januari 2010

Disediakan oleh Bahagian Perhubungan Awam untuk PERBADANAN PUTRAJAYA -
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013

Akhbar : The Star
Segmen : Views
M/s : 54
Tarikh : 25 Disember 2009

> Better signs

Putrajaya Authority. Pls
instal hospital signboard
from d main entrance.

Urgent & important during
emergency. – Siva, Kajang.